

D305

U B573 AAB
MAHATHIR - RAZALEIGH

KANGAR, 20 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERHARAP PAS DAN DAP DAPAT MENELITI TINDAK TANDUK PEMIMPIN PARTI SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH YANG +MEMPERKUDAKAN+ MEREKA UNTUK MENCAPAI HASRATNYA MENJADI PERDANA MENTERI.

PERDANA MENTERI BERKATA, HELAH TENGGU RAZALEIGH DAPAT DILIHAT DENGAN JELAS KERANA, SEMASA BERUNDING DENGAN DAP BELIAU MENYATAKAN MENYOKONG KONSEP +MALAYSIAN MALAYSIA+, DAN KETIKA BERUNDING DENGAN PAS PULA BELIAU MENERIMA KONSEP SEBUAH NEGARA ISLAM.

+YANG SEBENARNYA PARTI SEMANGAT 46 IALAH SEBUAH PARTI KECIL YANG TIDAK MEMPUNYAI SOKONGAN RAMAI. MELALUI SOKONGAN DARIPADA ORANG MELAYU YANG EKSTRIM DALAM PAS DAN GOLONGAN TERTENTU DALAM DAP BELIAU MAHU MENUBUH KERAJAAN JIKA MEMANANGI PILIHAN RAYA,+ KATANYA PADA PERHIMPUNAN 10,000 ORANG PEKERJA PILIHAN RAYA DAN PENYOKONG BARISAN NASIONAL (BN) NEGERI, DI SINI.

BELIAU BERHARAP PENYOKONG-PENYOKONG PAS MENGAJI SAMA ADA MEREKA DAPAT MENERIMA DASAR DAP YANG TIDAK MENERIMA KONSEP NEGARA ISLAM YANG DIPERJUANGKAN OLEH PAS.

DATUK SERI DR MAHATHIR INGIN TAHU BAGAIMANA YANG DIPERTUA AGUNG PAS, HAJI FADZIL NOR DAN TIMBALANNYA HAJI HADI AWANG AKAN BEKERJASAMA DENGAN DAP, WALAUPUN TIDAK SECARA TERUS TETAPI MELALUI PARTI SEMANGAT 46, SEDANGKAN PERJUANGAN MEREKA (PAS DAN DAP) BERBEZA. -- LAGI
2016MST 20 08 90

D306

U B574 AAB
MAHATHIR - RAZALEIGH 2 KANGAR

BELIAU MENASIHATI PARA PEKERJA DAN PENYOKONG BN SUPAYA BEKERJA KERAS DALAM MEMBERI PENERANGAN KEPADA ORANG RAMAI SUPAYA RAKYAT TIDAK TERKELIRU DENGAN GAGASAN PALSU BARISAN PEMBANGKANG ITU PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

+KITA TIDAK MAHU RAKYAT TERSILAP PILIH KERAJAAN. SEKALI TERSILAP SUSAH HENDAK DIPERBETULKAN+ KATA BELIAU.

KATANYA, KERJASAMA YANG WUJUD ANTARA PARTI-PARTI KOMPONEN BN IALAH KERANA KESEMUA 13 PARTI MEMPUNYAI PANDANGAN POLITIK SEDERHANA DAN TIDAK SEPERTI PARTI-PARTI PEMBANGKANG YANG MEMPUNYAI PANDANGAN POLITIK MELAMPAU.

YANG TURUT BERUCAP IALAH PRESIDEN MCA DATUK SERI DR LING LIONG SIK, PRESIDEN MIC DATUK SERI S. SAMY VELLU DAN PRESIDEN GERAKAN DATUK SERI DR LIM KENG YAIK. -- BERNAMA
2017MST 20 08 90